



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 08 Mei 2026

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 9 TAHUN 2026**

**PELAKSANAAN KEMUDAHAN KEBENARAN MENINGGALKAN PEJABAT
(KMP) DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Bil. 6/2026 telah meluluskan pelaksanaan Kebenaran Meninggalkan Pejabat (KMP) seperti berikut:

- i. Tujuan KMP:
 - a) Temujanji klinik/hospital untuk ahli keluarga terdekat (Pasangan, anak-anak, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, datuk dan nenek kandung/pasangan); atau
 - b) Untuk ziarah apabila ada kematian pegawai/pekhidmat dan pesara LGM; atau
 - c) Urusan kebajikan dalaman (melawat rakan sekerja di hospital); atau
 - d) Urusan kecemasan ahli keluarga terdekat (urusan kesihatan).
- ii. Terhad sekali sebulan dengan pembuktian yang sah.
- iii. Pegawai dan pekhidmat hendaklah mengemukakan dokumen sokongan kepada Pentadbir Cuti unit bagi tujuan rekod. Contoh dokumen sokongan adalah seperti buku/rekod temujanji ahli keluarga terdekat, makluman e-mel kematian dan lainnya.
- iv. Pegawai dan pekhidmat diwajibkan kembali ke pejabat sebelum tempoh pelepasan KMP berakhir dan merekod waktu keluar setelah melengkapkan 9 jam waktu bekerja.

v. Tempoh KMP yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Jarak	Tempoh KMP yang dibenarkan	Urusan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang dibenarkan	
		Kemudahan cuti lain yang boleh dipohon	Tindakan yang perlu diambil
Radius sehingga 25km dari pejabat	Minimum satu (1) jam dan maksimum dua (2) jam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cuti Pendek 2. Cuti Rehat yang berkecualan 	Sekiranya KMP telah dimohon, Pentadbir Cuti unit perlu membatalkan KMP dan pemohon perlu memohon Cuti Pendek/Cuti Rehat sebelum bercuti/pada hari bercuti.
Radius melebihi 25km dari pejabat	Minimum satu (1) jam dan maksimum empat (4) jam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cuti Rehat yang berkecualan 	Sekiranya KMP telah dimohon, Pentadbir Cuti unit perlu membatalkan KMP dan pemohon perlu memohon Cuti Rehat sebelum bercuti/pada hari bercuti.

3. Pelaksanaan kemudahan KMP di atas adalah **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh kenyataan ini dikeluarkan. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang telah dikemaskini untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
 “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
 “KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(EMILIA BINTI KASSIM)

SOALAN LAZIM

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 9 TAHUN 2026 PELAKSANAAN KEMUDAHAN KEBENARAN MENINGGALKAN PEJABAT (KMP) DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah urusan bagi KMP yang dibenarkan?	<p>a) Temujanji klinik/hospital untuk ahli keluarga terdekat; atau</p> <p>b) Untuk ziarah apabila ada kematian pegawai/pekhidmat dan pesara LGM; atau</p> <p>c) Urusan kebajikan dalaman (melawat rakan sekerja di hospital); atau</p> <p>d) Urusan kecemasan ahli keluarga terdekat (urusan kesihatan).</p> <p>Sebarang urusan selain dari yang dinyatakan di atas adalah TIDAK DIBENARKAN untuk mohon KMP.</p>
2.	Siapakah yang dikategorikan sebagai ahli keluarga terdekat?	Ahli keluarga terdekat merangkumi pasangan, anak-anak, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, datuk dan nenek kandung/pasangan
3.	Adakah dokumen sokongan perlu dilampirkan bagi permohonan KMP?	Ya. Pegawai dan pekhidmat perlu mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan kepada Pentadbir Cuti unit.
4.	Adakah KMP akan dibatalkan oleh Pentadbir Cuti unit sekiranya tiada dokumen sokongan yang diterima daripada pemohon?	Ya. Pentadbir Cuti unit akan membatalkan KMP dan pemohon perlu memohon cuti lain yang berkecualan.
5.	<p>Encik Mohd telah menggunakan kemudahan KMP pada 04 Mei 2026 untuk membawa isteri beliau menghadiri temujanji di hospital.</p> <p>Pada 06 Mei 2026, anak Encik Mohd tidak sihat dan beliau perlu membawa anak beliau ke hospital untuk mendapatkan rawatan kecemasan.</p> <p>Adakah Encik Mohd layak untuk memohon KMP pada 06 Mei 2026?</p>	<p>Tidak layak. Encik Mohd telah menggunakan kelayakan KMP pada 04 Mei 2026. Kelayakan KMP adalah terhad sekali sebulan dengan pembuktian yang sah.</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
6.	<p>Puan Nur telah diluluskan KMP bermula jam 8.00 pagi dan beliau telah mengetik masuk pada jam 7.30 pagi.</p> <p>Waktu Puan Nur dibenarkan pulang?</p>	<p>Puan Nur dibenarkan untuk pulang bermula jam 4.30 petang setelah melengkapkan 9 jam waktu bekerja.</p>
7.	<p>Encik Muhammad ingin memohon KMP untuk membawa ibu beliau yang tidak sihat ke klinik untuk mendapatkan rawatan. Encik Muhammad tidak mengetip masuk sebelum jam 9.00 pagi.</p> <p>Waktu Encik Muhammad dibenarkan pulang?</p>	<p>Sekiranya pegawai dan pekhidmat tidak mengetik kehadiran masuk di antara jam 7.30 pagi sehingga 9.00 pagi, waktu pelepasan dikira bermula 9.01 pagi dan waktu pulang adalah pada jam 6.00 petang.</p> <p>Oleh itu, Encik Muhammad dibenarkan pulang selepas jam 6.00 petang.</p>
8.	<p>Encik David telah diluluskan KMP selama dua (2) jam mulai 2.30 petang sehingga 4.30 petang untuk melawat rakan sekerja beliau yang telah dimasukkan ke hospital.</p> <p>Waktu masuk kerja : 7.30 pagi Waktu dibenarkan pulang : 4.30 petang</p> <p>Adakah Encik David perlu kembali ke pejabat terlebih dahulu sebelum dibenarkan pulang?</p>	<p>Ya. Encik David perlu kembali ke pejabat sebelum tempoh KMP yang dimohon berakhir dan beliau dibenarkan untuk merekod waktu keluar mulai 4.30 petang setelah setelah melengkapkan 9 jam waktu bekerja.</p>
9.	<p>Puan Siti bertugas di Stesen Penyelidikan Sungai Buloh dan beliau ingin memohon KMP untuk membawa suami beliau menghadiri temujanji di Klinik Kesihatan Kota Damansara.</p> <p>Berapa lamakah tempoh KMP yang dibenarkan untuk Puan Siti mohon?</p>	<p>Jarak dari Stesen Penyelidikan Sungai Buloh ke Klinik Kesihatan Kota Damansara adalah tidak melebihi 25km radius. Oleh itu, tempoh maksimum KMP yang dibenarkan adalah sehingga dua (2) jam.</p>
10.	<p>Puan Siti telah memohon KMP selama dua (2) jam untuk membawa suami beliau menghadiri temujanji di Klinik Kesihatan Kota Damansara bermula jam 11.30 pagi sehingga 2.30 petang (KMP boleh diambil secara bersambung melangkaui waktu rehat).</p> <p>Namun, urusan di klinik selesai lewat dan Puan Siti kembali ke pejabat pada jam 3.00 petang. Apakah tindakan yang perlu di ambil?</p>	<p>Pentadbir Cuti unit perlu membatalkan KMP yang telah dimohon oleh Puan Siti kerana tempoh KMP yang dibenarkan adalah sehingga dua (2) jam bagi jarak tidak melebihi 25km radius.</p> <p>Puan Siti perlu memohon Cuti Rehat yang berkelayakan pada hari yang sama memandangkan Cuti Pendek tidak boleh diambil secara bersambung melangkaui waktu rehat.</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
11.	<p>Puan Wan bertugas di Bangunan Getah Asli, Kuala Lumpur dan beliau ingin melawat rakan sekerja yang telah dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban.</p> <p>Berapakah tempoh KMP yang dibenarkan untuk Puan Wan mohon?</p>	<p>Jarak dari Bangunan Getah Asli, Kuala Lumpur ke Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban adalah melebihi 25km radius.</p> <p>Oleh itu, Puan Wan dibenarkan untuk memohon KMP sehingga maksimum empat (4) jam.</p>
12.	<p>Puan Wan telah memohon KMP selama empat (4) jam mulai jam 11.30 pagi sehingga 4.30 petang untuk melawat rakan sekerja yang telah dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban.</p> <p>Namun, Puan Wan kembali ke pejabat di Bangunan Getah Asli selepas tempoh KMP yang dibenarkan berakhir iaitu pada jam 4.31 petang.</p> <p>Apakah tindakan yang perlu diambil oleh Puan Wan?</p>	<p>Pegawai dan pekhidmat diwajibkan kembali ke pejabat sebelum tempoh pelepasan KMP berakhir dan merekod waktu keluar setelah melengkapkan 9 jam waktu bekerja.</p> <p>Bagi jarak radius melebihi 25km dari pejabat, tempoh KMP yang dibenarkan adalah maksimum empat (4) jam.</p> <p>Oleh itu, Puan Wan perlu memohon Cuti Rehat yang berkecualan kerana beliau kembali ke pejabat selepas tempoh pelepasan KMP berakhir. Pentadbir Cuti unit perlu membatalkan KMP yang telah dimohon oleh Puan Wan.</p>